

MAHATHIR-EKONOMI 1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN TINDAK-TANDUK NEGARA-NEGARA INDUSTRI BARAT UNTUK MELEMAHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA DAN LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN.

NEGARA-NEGARA ITU MENGGUNAKAN BADAN-BADAN SEKERJA ANTARABANGSA UNTUK MENENTUKAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI DIGANGGU OLEH TINDAKAN PEKERJA, KIATA PERDANA MENTERI.

HERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-34 UMNO DI SINI, BELIAU BERKATA: +BANYAK KONCO MEREKA TERDAPAT DI MALAYSIA UMPAMANYA YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KELEMAHAN YANG ADA PADA PARA PEKERJA KITA UNTUK MENYEKAT PERKEMBANGAN PERUSAHAAN DAN EFFISIENSI.+

BARAT MEMANG BERMINAT SUPAYA DAYA PENGELUARAN NEGARA INI DIKURANGKAN, ATANYA.

PADA ZAMAN KOLONIAL, NEGARA-NEGARA BARAT MAMPU MENYEKAT PERKEMBANGAN INDUSTRI DI MALAYSIA, TETAPI KERANA EMPAYAR BARAT SUDAH DIGANTI DENGAN NEGARA-NEGARA MERDEKA, KUASA-KUASA ITU MENGGUNAKAN BADAN-ADAN SEKERJA ANTARABANGSA UNTUK MENGGANGGU PERUSAHAAN DI NEGARA INI, ATANYA.

+SEBAB ITULAH KITA MENDENGAR PENENTANGAN TERHADAP DASAR-DASAR SEPERTI PANDANG KE TIMUR, PENGSWASTAAN, ERSYARIKATAN MALAYSIA DAN LAIN-AIN YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBOLEHKAN MALAYSIA BERSAING DALAM PASARAN DUNIA DENGAN BARANG-BARANG BUATANYA,+ KATA BELIAU.

-- LAGI 1135/AZ

MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. AHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA KEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA SEBENARNYA DISEBABKAN OLEH TABIAT MALAS YANG AKHIR-AKHIR INI MERESAPI MASYARAKAT NEGARA-NEGARA MAJU DI BARAT.

MEREKA INGIN BERSENANG-SENANG TANPA USAHA DAN AKIBATNYA SEGALA PENGELUARAN MEREKA BERHARGA TINGGI BUKAN SAHAJA DI LUAR NEGERI TETAPI DALAM NEGARA MEREKA SENDIRI, ATANYA.

NEGARA-NEGARA ITU, KATANYA, ENUTUP PASARAN MASING-ASING APABILA MENDAPATI BARANG-BARANG BUATAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN NEGARA TIMUR DAPAT MENGALAHKAN BARANG-BARANG BUATAN BARAT DI PASARAN NEGARA-NEGARA ITU SENDIRI.

INI BERTENTANGAN DENGAN DASAR PERDAGANGAN BEBAS YANG DISANJUNG TINGGI DAHULU OLEH NEGARA-NEGARA BARAT ITU.

ENGAN ITU PEMASARAN SEMUA BARANG TERMASUKLAH BAHAN MENTAH TELAH MEROSOT, KATANYA.

SATU LAGI TINDAKAN YANG DIBUAT OLEH PEMERINTAHAN NEGARA-NEGARA BARAT IALAH MENINJAM WANG BERATUS RIBU JUTA DARI PASARAN KEWANGAN UNTUK ALAT-ALAT PERANG.

+DENGAN ITU MAKA KADAR FAEDAH BANK TELAH MENINGKAT SEHINGGA PADA SUATU KETIKA KE PARAS 22 PERATUS,+ KATA BELIAU.

-- LAGI 1142/AZ

MAHATHIR-EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA FAEDAH YANG TINGGI ITU MENGHALANG PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN KERANA PIHAK-PIHAK YANG MEM-PUNYAI WANG LEBIH SUKA MENYIMPAN UNTUK MENDAPATKAN FAEDAH BANK YANG TINGGI DARIPADA MEMBELI BARANG-BARANG ATAU MELABUR.

+JELASLAH BUKAN HARGA MINYAK YANG MENJADI MASALAH TETAPI KE-ENGGANAN BEKERJA DAN TINDAKAN NEGARA-NEGARA BARAT YANG MENYEBABKAN KEMEROSOTAN EKONOMI,+ TAMBAHNYA.

SEMASA HARGA MINYAK MELAMBUNG TINGGI, ANTARA TAHUN 1975 DENGAN 1980, GETAH, TIMAH, KELAPA SAWIT, BALAK DAN BARANG-BARANG LAIN AMAT LARIS DIJUAL WALAUPUN HARGANYA LEBIH TINGGI DARIPADA SEKARANG, KATANYA.

+KEMELESETAN EKONOMI DISEBABKAN KENAIKAN HARGA MINYAK HANYA MERU-PAKAN FITNAH DAN TIPU HELAH NEGARA-NEGARA INDUSTRI BARAT.+

DATUK DR. MAHATHIR BERKATA, KENAIKAN HARGA TERSEBUT TELAH MEMBAWA NIKMAT BUKAN SAHAJA KEPADA NEGARA PENGELUAR DAN REAKYAT MASING-MASING YANG DULU DITIPU DENGAN PEMBAYARAN ROYALTI 20 SEN SETONG TETAPI JUGA RAKYAT NEGARA-NEGARA MAJU YANG DAHULU BEGITU GELOJOH MENGGUNAKAN MINYAK, KATA BELIAU.

-- LAGI 1238/AZ

PARA AKHIR HARAP BACA:....DAN REAKYAT MASING-MASING.

MAHATHIR-EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

NEGARA-NEGARA MAJU KINI SEDAR PENTINGNYA MENGURANGKAN PENGGUNAAN MINYAK YANG KINI DIKURANGKAN 25 PERATUS SEMENTARA BAHAN-BAHAN GANTIAN DICIPTA.

YANG BETUL-BETUL MENDERITA IALAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG TIDAK MEMPUNYAI MINYAK SENDIRI DAN KEMAMPUAN PULA TERHAD, TAMBAHNYA.

MALAYSIA BERSYUKUR KERANA MEMPUNYAI BERBAGAI BAHAN MENTAH DAN MINYAK UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATANNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

AKIBAT KEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA YANG TERUK DALAM TAHUN 1982, PENDAPATAN NEGARA BERKURANGAN KERANA KEMEROSOTAN HARGA DAN PERMINTAAN BAHAN-BAHAN EKSPORT NEGARA INI.

+WALAUPUN KEADAAN NAMPAKNYA AKAN PULIH TETAPI KESAN PEMULIHAN TIDAK AKAN DIRASAI DENGAN SERTA-MERTA ,+2 KATANYA.

BEBERAPA BUAH NEGARA YANG BANYAK BERHUTANG PADA WAKTU KAYA DENGAN HASIL PETROLEUM SEKARANG INI HAMPIR BENGGRAK TETAPI MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA TIDAK BOROS BERBELANJA, TAMBAHNYA.

-- LAGI 1241/AZ

ZCZC B354

MAHATHIR-EKONOMI 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEMASA MALAYSIA MEMPEROLEHI PENDAPATAN LUMAYAN DARI PERDAGANGAN, IA HANYA BERHUTANG UNTUK MEMBEKALKAN INFRASTRUKTUR PENTING SAHAJA.

+OLEH ITU, KITA BUKAN SAHAJA TERSELAMAT DARIPADA MENJADI BENG-KRAP, TETAPI MASIH DAPAT BERHUTANG UNTUK MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK PENTING DAN PERLU DIMULA ATAU DITERUSKAN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN ADA BEBERAPA PROJEK YANG DIRANCANGKAN SEMASA NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI DAHULU TERPAKSA DITANGGUHKAN, TAMBAHNYA.

+SEMASA KITA BERADA, KITA BOLEH BERBELANJA DENGAN BERPATUTAN T TETAPI PADA WAKTU KITA DAIF, KITA MESTI MENERIMA KENYATAAN BAHAWA PERBELANJAAN MESTI DIKURANGKAN,+ KATANYA.

DALAM KEADAAN KEKURANGAN WANG SEKARANG TIDAK ADA TINDAKAN YANG LEBIH BERKESAN SELAIN DARIPADA MENGIKAT PERUT DAN BEKERJA LEBIH KUAT.

+MELALUI TINDAKAN INI KEMEWAHAN AKAN KEMBALI SEMUPA DAN SEKALI LAGI KITA AKAN HIDUP BAHAGIAM,+ KATA BELIAU.

-- BERNAMA 1244/AZ